

07/03/1997

Rozali jamin majukan peneroka

KOTA BHARU, Khamis - Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) yang baru dilantik, Datuk Mohd Rozali Isohak memberi jaminan akan berusaha membawa perubahan sebaik mungkin bagi memajukan masyarakat peneroka yang menganggotai badan berkenaan.

Menurutnya, kepentingan sosial dan kebajikan peneroka akan terus diberi perhatian dan pertimbangan sewajarnya termasuk menyelesaikan pemberian hak milik tanah kepada peneroka yang belum lagi selesai.

"Ini selaras arahan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa yang mahu Kesedar diberi tanggungjawab untuk membuat persediaan awal bagi menyelesaikan masalah pemberian hak milik kepada peserta peneroka tanah rancangan lembaga itu.

"Bagi melaksanakan tugas itu, saya akan bekerjasama dengan Pengerusi Kesedar, Datuk Wan Zaid Wan Abdullah dan meminta pandangan serta kerjasama semua pihak dalam Kesedar termasuk peneroka bagi memastikan usaha itu berjalan lancar," katanya.

Awal bulan ini Mohd Rozali dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Kesedar yang diumumkan Annuar selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad.

Pelantikan itu adalah pertama dibuat kerajaan Barisan Nasional (BN) terhadap bekas ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46) memegang jawatan dalam agensi kerajaan Pusat di Kelantan.

Menurutnya, pelantikan itu membuktikan BN tidak pernah mengetepikan bekas ahli S46, sejak parti itu dibubarkan awal Oktober lalu.

(END)